



## **KENYATAAN MEDIA**

### **PENGUMUMAN PENAJA KONTINJEN WILAYAH PERSEKUTUAN KE SUKMA XX MSN 2022**

---

**PUTRAJAYA, 6 SEPTEMBER 2022:** Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) mengumumkan barisan penaja yang memberi kerjasama dan sokongan untuk bersama-sama kontinjen Wilayah Persekutuan pada Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022 yang akan berlangsung 16-24 September 2022.

“Kerjasama daripada penajaan kali ini diharap dapat membantu kelancaran penyertaan kontinjen Wilayah Persekutuan pada SUKMA kali ini sekaligus memastikan matlamat untuk muncul juara pada temasya ini tercapai,” kata Pengarah MSWP, Dr Hasnul Faizal Hushin Amri di sini hari ini.

Mendahului senarai penaja adalah pengeluar satu-satunya air mineral beroksigen di Malaysia, Bubbles O2 yang diumumkan sebagai minuman rasmi kontinjen Wilayah Persekutuan pada temasya kali ini.

UH Medical Sdn Bhd pula diumumkan sebagai perkhidmatan ambulans rasmi kontinjen Wilayah Persekutuan yang akan bersedia dalam sebarang kemungkinan membantu atlet Wilayah Persekutuan yang menghadapi kecederaan.

Sementara itu, akhbar Wilayahku dan juga radio KLfm masing-masing diumumkan sebagai media rasmi kontinjen Wilayah Persekutuan dan juga sebagai radio rasmi kontinjen Wilayah Persekutuan dalam menyalurkan sebarang maklumat terkini tentang prestasi dan kejayaan kontinjen Wilayah Persekutuan di sepanjang temasya berlangsung.

Dalam pengumuman penajaan yang berlangsung pada Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Wilayah Persekutuan ke SUKMA XX MSN 2022 di Dewan Serbaguna, Kementerian Wilayah Persekutuan hari ini, minuman rasmi Bubbles O2 diwakili oleh Pengerusinya, Encik Arifin Marzuki, perkhidmatan ambulans rasmi dari UH Medical Sdn Bhd diwakili Encik Ahmad Fuad Abdul Rahman, media rasmi iaitu akhbar Wilayahku diwakili Pengurus Besar, Encik Azlan Abdul Aziz sementara radio rasmi kontinjen KLfm diwakili Penolong Pengurus, Encik Shahuzailye Bin Sallehuddin.

*Untuk sebarang pertanyaan / maklumat tambahan, boleh hubungi Pegawai Penerangan MSWP, Jumiati binti Rosly (012-6548155).*

TAMAT